



Y.B. TUAN HEE LOY SIAN

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)

EXCO PELANCONGAN & ALAM SEKITAR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

TEL: 03-55447760 FAKS: 03-55193328 EMEL: pejabatexcoybhee@gmail.com

19 MEI 2022

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN LARANGAN BEROPERASI TERHADAP KILANG DAN PREMIS MEMPROSES SISA PLASTIK KITAR SEMULA DI NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha mempromosikan pembangunan lestari dengan mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan perlindungan alam sekitar, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Namun begitu, pencemaran sisa plastik akibat daripada pengurusan sisanya yang tidak terkawal pada masa ini merupakan masalah yang perlu ditangani secara holistik oleh semua pihak. Kerajaan Negeri Selangor amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya sisa plastik yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan awam.

Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri ke-11/2022 yang bermesyuarat pada 20 April 2022 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 12/2022 pada 11 Mei 2022 telah bersetuju dan meluluskan penetapan dasar berhubung pengoperasian kilang dan premis memproses sisa plastik kitar semula di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- (i) Tidak membenarkan pengimportan sisa plastik kitar semula bagi tujuan pemerolehan kembali atau pelupusan akhir bagi semua kilang yang menjalankan proses kitar semula plastik;
- (ii) Lesen perniagaan baharu bagi kilang-kilang plastik kitar semula tidak akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (iii) Semakan semula setiap lima (5) tahun perlu dibuat bagi permohonan lesen perniagaan baharu kilang-kilang plastik kitar semula;
- (iv) Kilang-kilang sedia ada yang mempunyai lesen perniagaan yang sah boleh terus beroperasi, tertakluk kepada syarat-syarat Jawatankuasa Teknikal EIA, PBT dan syarat-syarat tambahan yang lain; dan



Y.B. TUAN HEE LOY SIAN

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)

EXCO PELANCONGAN & ALAM SEKITAR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

TEL: 03-55447760 FAKS: 03-55193328 EMEL: pejabatexcoybhee@gmail.com

- (v) Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan menjalankan pemeriksaan yang lebih teliti bagi memastikan prosedur dan peraturan dipatuhi.

Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk menolak permohonan lesen sementara dan penyambungan bekalan elektrik bagi syarikat Jingye Manufacturing, sebuah syarikat yang menjalankan operasi memproses sisa plastik kitar semula di daerah Sepang. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira aduan penduduk dan hasil siasatan yang dijalankan serta kesan sisa plastik ke atas ekosistem dan kesejahteraan masyarakat di negeri Selangor.

Pelaksanaan larangan ini juga adalah susulan daripada isu pencemaran yang kerap berlaku dan aduan lambakan sisa plastik akibat daripada pengurusan sisanya yang tidak terkawal dan tidak diurus dengan baik. Peningkatan import sisa plastik ke Malaysia oleh kilang dan premis tanpa had juga merupakan punca utama berlakunya pencemaran. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor perlu mengambil kira aspek pengurusan sisa plastik dan menanganinya secara menyeluruh bagi memastikan ianya diuruskan dengan cara yang dapat mengurangkan kesan kemudaratan kepada kesihatan awam dan alam sekitar. Dengan adanya dasar ini, operasi penguatkuasaan oleh PBT dan Jabatan/Agensi akan dijalankan dengan lebih tegas, termasuk larangan pemberian permit import sisa pembuangan dari luar negara ke kilang/premis di negeri Selangor.

Walaupun aktiviti mengimport dan menjalankan perniagaan sisa plastik berpotensi menyumbang kepada pendapatan negeri, Kerajaan Negeri perlu mengambil kira dari aspek pengurusan sisa plastik tersebut bagi mengelakkan pencemaran berlaku yang boleh mengganggu ekosistem manusia dan alam sekitar. Kerajaan Negeri memandang serius akan isu perubahan iklim (*climate change*) dan pemanasan global yang semakin kerap berlaku dan usaha-usaha melestarikan alam sekitar perlu dipergiatkan lagi. Oleh yang demikian, sebagai sebuah negeri maju, pembangunan ekonomi harus diseimbangkan dengan perlindungan alam sekitar untuk memastikan kelestarian dan kesejahteraan masyarakat seperti mana yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari – *Sustainable Development Goals*.



Y.B. TUAN HEE LOY SIAN

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)

EXCO PELANCONGAN & ALAM SEKITAR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

TEL: 03-55447760 FAKS: 03-55193328 EMEL: pejabatexcoybhee@gmail.com

Kerajaan Negeri Selangor juga dalam perancangan untuk menangani isu ini dengan menggunakan pendekatan serta perspektif nasional dan seterusnya beralih kepada kaedah, konsep serta material yang lebih mesra alam. Ini akan memastikan industri masih terus berkembang dengan mengadaptasi konsep teknologi hijau dan pada masa yang sama melestarikan alam sekitar.

HEE LOY SIAN

**Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
EXCO Pelancongan & Alam Sekitar**